

# Dong Zong hormati teguran PM, tetap terus persidangan

BH - 23/12/2019 m/s: 4

## Persekutuan sedia perjelasan kepada Dr M disifatkan tersalah faham

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) menghormati teguran Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung cadangan untuk menganjurkan kongres bagi membantah pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular.

Bagaimanapun, Dong Zong menegaskan Persidangan Pertubuhan Cina yang dijadual berlangsung di pejabat persekutuan itu di Kajang, Sabtu ini, akan tetap diteruskan.

Malah, Dong Zong mengulangi pendirian bahawa persidangan itu hanya berkaitan isu pendidikan dan tidak bersifat perkauman, selain bersedia menjelaskannya kepada Dr Mahathir yang disifatkannya tersalah faham mengenai penganjuran berkenaan.

Ahli Jawatankuasa Dong Zong, Low Chee Chong, memaklumkan persidangan itu akan membincangkan isu mengenai pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular dan usaha mendapat-


kan pandangan masyarakat.

Pihaknya menyifatkan pekeling berkaitan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular dikeluarkan Kementerian Pendidikan bercanggah dengan keputusan Kabinet.

“Kabinet memutuskan pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), ibu bapa dan murid sekolah diberi kuasa untuk membuat keputusan melaksanakan tulisan Jawi dalam subjek Bahasa Melayu di sekolah vernakular.

“Ia (pekeliling) tidak menetapkan PIBG berhak membuat keputusan, selain peranan PIBG hanya mengedar dan mengumpul borang jawapan seperti ‘posmen’, dan bukan badan berhak membuat keputusan.

“Peranan PIBG diabaikan. Pekeling Kementerian Pendidikan menetapkan sekolah yang tidak edar borang (jawapan) kepada ibu bapa, dianggap setuju (dengan pengajaran tulisan Jawi). Ini tidak logik,” katanya ke-

 **Persidangan itu akan bincang isu mengenai pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular dan usaha dapatkan pandangan masyarakat.**

**Low Chee Chong,**  
Ahli Jawatankuasa Dong Zong

pada BH.

Kelmarin, ketika mengulas berhubung penganjuran persidangan itu, Dr Mahathir memberi amaran tindakan berkenaan boleh menyetuskan kekacauan dan tindak balas daripada masyarakat Melayu.

Susulan cadangan penganjuran persidangan itu, Gerakan Pengundi Sedar (GPS) melancarkan petisyen supaya Dong Zong diharamkan dengan menyasarkan 300,000 tandatangan daripada rakyat Malaysia melalui pautan: <https://www.change.org/p/perdana-menteri-malaysia-petisyen-haramkan-dong>.

Chee Chong berkata, Dong Zong sebelum ini hanya memohon supaya Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dikategorikan sebagai salah satu badan yang boleh membuat keputusan mengenai pengajaran tulisan Jawi.

“Dong Zong menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan tulisan Jawi. Bagaimanapun, kami menegaskan murid perlu menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi yang penting di negara.

“Dong Zong bersedia mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik dan pihak berkepentingan lain bagi menjelaskan isu pembelajaran tulisan Jawi ini,” katanya.

Ditanya mengenai petisyen meminta Dong Zong diharamkan, beliau berkata, tindakan itu tidak berkaitan dengan isu pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular yang diperjuangkan persekutuan berkenaan.